



**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
MULAI 18 MAC HINGGA 31 MAC 2020  
BAGI PENGURUSAN JENAZAH YANG BUKAN MELIBATKAN PESAKIT COVID 19  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

Perintah kawalan ini dibuat selaras dengan arahan Kerajaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, semua urusan yang berkaitan dengan **Pengurusan Jenazah Yang Bukan Melibatkan Pesakit Covid-19 di Negeri Pahang** adalah tertakluk sebagaimana ketetapan berikut :-

1. Pengurusan Jenazah Yang Bukan Melibatkan Pesakit Covid-19 di Negeri Pahang

(a) Pengurusan jenazah boleh **dilaksanakan di rumah** tertakluk kepada perkara berikut:

- i) Dengan kehadiran yang minimum ahli keluarga terdekat sahaja yang telah mengisytiharkan diri mereka sihat ( ibubapa si mati, isteri/suami si mati, anak si mati, adik beradik si mati)
- ii) **3 orang** petugas pengurusan jenazah ( pemandi dan pengafan jenazah ).
- iii) Hanya **5 orang** sahaja dibenarkan untuk berada di dalam bilik pengurusan jenazah ketika proses memandikan jenazah.
- iv) Solat jenazah hendaklah dilaksanakan di rumah.
- v) Pengurusan diselesaikan dalam tempoh masa yang paling minimum.
- vi) Hanya **10 orang** sahaja ahli keluarga terdekat yang telah mengisytiharkan diri mereka sihat dibenarkan mengiringi jenazah ke tanah perkuburan.

(b) Sekiranya pengurusan jenazah perlu dibuat **di masjid** hendaklah tertakluk kepada perkara berikut :

- i) Hanya di bilik pengurusan jenazah yang dikhaskan di masjid yang telah ditentukan seperti di **Lampiran A**.

- ii) Kehadiran adalah terhad kepada **13 orang** individu sahaja yang telah mengisytiharkan diri mereka sihat dengan perincian seperti berikut :
  - i) **10 orang** ahli keluarga terdekat (individu yang akan hadir dari mula pengurusan jenazah hingga ke tanah perkuburan)
  - ii) **3 orang** petugas pengurusan jenazah ( pemandi dan pengafan jenazah )
  - iii) Hanya **5 orang** sahaja dibenarkan untuk berada di dalam bilik pengurusan jenazah ketika proses memandikan jenazah.
  - iv) Solat jenazah hendaklah dilaksanakan di bilik pengurusan jenazah sahaja **bukan** di ruang solat masjid.

(c) Pergerakan jenazah keluar dari daerah atau negeri Pahang hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu.

(d) Tidak dibenar mengadakan majlis tahlil di rumah atau di mana-mana premis.

## 2. Tatacara Pengebumian Jenazah Yang Bukan Melibatkan Pesakit Covid-19 di Negeri Pahang

- (a) Kehadiran adalah terhad kepada 15 orang individu sahaja yang telah mengisytiharkan diri mereka sihat dengan perincian seperti berikut :
  - i) **10 orang** ahli keluarga terdekat (individu yang akan hadir dari mula pengurusan jenazah di masjid hingga ke tanah perkuburan)
  - ii) **4 orang** petugas menggali kubur dan kerja-kerja pengebumian.
  - iii) **Seorang imam** untuk memastikan proses pengebumian menepati syarak.
- (b) Tiada bacaan talqin dan tahlil selepas pengebumian. Hanya bacaan doa ringkas sahaja.
- (c) Urusan pengebumian diselesaikan dalam tempoh yang paling minimum.

Jabatan Agama Islam Pahang amat mengharapkan kerjasama daripada semua pihak dalam melaksanakan ketetapan ini. Sesungguhnya ketetapan ini adalah satu ikhtiar yang ditentukan berdasarkan hukum dan waqi'.

**Pengarah**  
**Jabatan Agama Islam Pahang**  
**19 Mac 2020**

**SENARAI MASJID DAN HOSPITAL  
YANG DIBENARKAN UNTUK PENGURUSAN JENAZAH BUKAN KES COVID-19**

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>MASJID/HOSPITAL</b>
1.	TEMERLOH	HOSHAS MASJID TAMAN TEMERLOH JAYA MASJID KG KETAM MASJID LANCHANG MASJID KG GAJAH MATI MENTAKAB MASJID KG PAYA LUAS KUALA KRAU
2.	PEKAN	MASJID AT-TAQWA MASJID SULTAN AHMAD SHAH AL-HAJ MASJID TAMAN SRI MAULANA MASJID AN-NUR KETAPANG
3.	BERA	MASJID LAMA KERAYONG MASJID KG MENKARAK MASJID KG JELAM MASJID KG KUALA TRIANG MASJID FELDA BUKIT MENDI MASJID FELDA SEBERTAK MASJID KG DATO' SRI HAMZAH
4.	MARAN	MASJID KG PAYA BUNGOR MASJID FELDA LEPAR HILIR 3 MASJID KG SENTOSA MASJID FELDA JENKA 4 MASJID FELDA JENKA 5 MASJID FELDA BUKIT TAJAU
5.	JENKA	HOSPITAL JENKA MASJID BARU BANDAR TUN ABDUL RAZAK MASJID FELDA JENKA 10 MASJID FELDA JENKA 3 MASJID FELDA LEPAR UTARA 1 MASJID FELDA JENKA 20
6.	CAMERON HIGHLANDS	HOSPITAL SULTANAH HAJJAH KALSOM MASJID AL-HUDA KG RAJA

7.	BENTONG	MASJID TG SULAIMAN KETARI MASJID JAMEK BANDAR KARAK MASJID SULTAN HAJI AHMAD SHAH SIMPANG PELANGAI
8.	CHENOR	MASJID AT-TAQWA KG AWAH MASJID NURUL HUDA JENGKA 19 MASJID AL-FALAH JENGKA 7
9.	KUANTAN	MASJID TG AMPUAN AFZAN MASJID BUKIT RANGIN MASJID BUKIT SEKILAU MASJID AL-MAKMUR INDERA MAHKOTA 2 MASJID SULTAN AHMAD SHAH TOK SIRI MASJID AL-HUDA SG PANCHING UTARA MASJID JAMEK BATU 8 MASJID KG KUALA KENAU MASJID JAMEK KG MELAYU SG LEMBING MASJID KUIPSAS MASJID CENDERAWASIH MASJID KG SRI DAMAI MASJID KG JAYA GADING
10.	MUADZAM SHAH	MASJID AL-MUADZAM SHAH MASJID FELDA SELANCAR 1 MASJID FELDA KERATONG 9 MASJID FELDA KERATONG 4 MASJID BUKIT IBAM
11.	JERANTUT	MASJID KG BATU BALAI MASJID KG DAMAK MASJID SG PUTAT MASJID AT-TAQWA KOTA GELANGGI 2 MASJID KG PASIR DURIAN MASJID TG ABDULLAH AL-HAJ BUKIT RANG MASJID KG SIMPANG TEBING TINGGI MASJID KG JERANTUT FERI
12.	RAUB	MASJID TG ABDULLAH AL-HAJ KG GALI TENGAH MASJID AL-MUTTAQIN KG SEMPAM BARU MASJID KG LECHAR
13.	LIPIS	HOSPITAL LIPIS MASJID SULTAN MAHMUD MASJID BANDAR BENTA MASJID RPS MERAPOH MASJID PADANG TENGGU

		MASJID FELDA SG KOYAN MASJID KG KELEDEK MASJID KUALA TELANG MASJID KG BAPONG MASJID KG TEMPOYANG MASJID BT 6 PENJOM MASJID KG TG BESAR MASJID KG MELA
14.	ROMPIN	MASJID TENGKU MAHKOTA ABDULLAH MASJID TG GEMOK MASJID KG PIANGGU MASJID PONTIAN MASJID JANGLAU MASJID SELENDANG 1